

**Bahagian A**  
[20 markah]

**Soalan 1 hingga 20**

*Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai di dalam kotak..*

- 1 Salwa menghadiahikan gurunya dengan \_\_\_\_\_ bunga ros dan tiga \_\_\_\_\_ pena penanda.  
**A** setangkai ... ikat  
**B** sekuntum ... bilah  
**C** sejambak ... batang  
**D** sejambangan ... berkas
  
- 2 Pekerja yang mempunyai \_\_\_\_\_ yang cemerlang berpeluang untuk dinaikkan pangkat.  
**A** seni kata  
**B** adat resam  
**C** kertas kerja  
**D** rekod prestasi

**Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah.**



- 3 Hasil eksperimen Sains itu akan \_\_\_\_\_ dalam kumpulan masing-masing terlebih dahulu sebelum dibentangkan kepada kelas.  
**A** dinyatakan  
**B** dibahaskan  
**C** diumumkan  
**D** dibincangkan

- 4 \_\_\_\_\_ pandangannya menjadi gelap apabila matanya terkena semburan cecair itu.
- A Setiap  
B Seluruh  
C Separuh  
D Sebahagian
- 5 Rotan saga itu akan menjadi \_\_\_\_\_ setelah dilayur di atas bara api beberapa minit oleh Haji Miswan.
- A lemah  
B lembik  
C longlai  
D lembut
- 6 Bumbung bangunan yang dalam pembinaan itu runtuh kerana \_\_\_\_\_ bangunan itu tidak mampu menampung atap genting yang terlalu berat.
- A jejari  
B kekisi  
C kekuda  
D tetulang
- 7 Budak lelaki itu terjatuh dari pokok mempelam di belakang rumahnya kerana dia terpijak bahagian dahan yang \_\_\_\_\_.
- A rapuh  
B sekah  
C usang  
D lembik

**Soalan 8** berdasarkan gambar di bawah.



- 8 Muhammad Hafizi \_\_\_\_\_ gelas plastiknya dengan soya cincau ais sambil diperhatikan dan diawasi oleh ibunya.
- A tuangan
  - B menuang
  - C menuangi
  - D menuangkan
- 9 Kami \_\_\_\_\_ terbahak-bahak apabila mendengar kisah lucu yang diceritakan oleh nenek.
- A keliru
  - B ketawa
  - C kelihatan
  - D kegelisahan
- 10 Zazilee membantu ayahnya memasukkan pisang ke dalam van untuk dijual di pasar tani.

Pilih perkataan sinonim bagi dijual.

- A dibeli
- B disewa
- C dipasarkan
- D dibersihkan

- 11** Hadiah ini khusus untuk atlet yang telah berjaya mengharumkan nama sekolah dalam acara olahraga baru-baru ini.

*Pilih perkataan antonim bagi khusus.*

- A khas
- B biasa
- C umum
- D normal

- 12** *Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.*

- I Badannya terasa lemah kerana dia hilang selera makan selama beberapa hari.
  - II Kalau semangat kita lemah, kita tidak dapat mencapai hasrat yang diidam-idamkan.
  - III Bicaranya yang lemah itu sangat sesuai sebagai penyambut tetamu di hotel tersebut.
  - IV Kerepek pisang itu menjadi lemah kerana tidak disimpan di dalam bekas kedap udara.
- A I dan II
  - B II dan III
  - C III dan IV
  - D I dan IV

- 13** *Pilih simpulan bahasa yang sesuai bagi mengisi tempat kosong.*

Abdul Rahim \_\_\_\_\_ kerana ketika dia sampai di rumah pak ciknya di kampung durian sudah mulai luruh.

- A langkah kiri
- B langkah kanan
- C langkah seribu
- D langkah bendul

- 14** *Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.*

Murid-murid harus melibatkan diri secara aktif dalam kegiatan kurikulum di sekolah.

- A Aktiviti kurikulum harus ada penglibatan yang aktif Murid-murid sekolah.
- B Murid-murid perlu bergiat secara aktif dalam aktiviti kurikulum di sekolah.
- C Di sekolah Murid-murid akan terlibat dalam aktiviti kurikulum dengan aktif.
- D Kegiatan kurikulum yang diadakan di sekolah perlu Murid-murid yang aktif.

### **Soalan 15 dan 16**

*Pilih ayat yang betul.*

- 15** A Para pekerja di Kilang Batik Desa Murni itu sedang sibuk mengecop kain batik.  
B Radzuan Kassim terpaksa menghela basikalnya kerana tayar belakangnya bocor.  
C Industri pembuatan kereta di negara kita berkembang pesat dari masa ke semasa.  
D Dua puluh murid-murid sekolah saya sedang berkhemah di puncak Bukit Timah.
- 16** I Oleh kerana kakinya terseliuh, dia tidak datang untuk menjalani latihan hoki.  
II Kertas-kertas kerja persidangan tersebut telah dibentangkan oleh Guru Cemerlang.  
III Sumbangan derma itu telah diagih-agihkan dalam kalangan murid fakir dan miskin.  
IV Di dalam perbincangan itu, mereka bersetuju melantik Syazmil sebagai ketua kelas.  
A I dan II  
B II dan III  
C III dan IV  
D I dan IV

### **Soalan 17 hingga 20**

*Baca petikan , kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

Mari kita berkenalan dengan Encik Megat Zulkifli bin Megat Naziruddin. Beliau merupakan seorang pengusaha gerai yang menjual juadah hidangan makan tengah hari. Gerai yang dimaksudkan terletak berhampiran kawasan taman perumahan dan deretan rumah kedai di daerah Manjung. Gerai makanannya juga terletak bersebelahan dengan Pengkalan Tentera Laut Lumut.

- 17** Encik Megat Zulkifli bin Megat Naziruddin memulakan perniagaannya di  
A pekan Lumut.  
B pekan Sitiawan.  
C pekan Teluk Batik.  
D pekan Pulau Pangkor.

Pendapatan hasil perniagaannya bertambah dari sebulan ke sebulan. Namun, beliau tidak pernah lupa untuk menyimpan sebahagian daripada pendapatannya dalam bank. Duit perniagaan itu jugalah yang digunakan bagi menyara isteri dan lima orang anaknya yang masih belajar. Setelah lima tahun menjalankan perniagaan, beliau berhasrat untuk memperbesar perniagaannya

- 18 Mengapakah kita digalakkan menyimpan sebahagian daripada pendapatan kita di bank?
- A Supaya kita boleh membuka restoran yang baharu
  - B Supaya kita mudah membuat pinjaman dengan pihak bank
  - C Supaya wang kita selamat dan boleh digunakan ketika perlu
  - D Supaya orang ramai tahu yang kita golongan orang yang berharta

**Soalan 19 dan 20.**

Encik Megat Zulkifli mempunyai impian dan bercita-cita untuk membeli sebuah rumah kedai bagi dijadikan restoran. Hasratnya tercapai apabila pinjaman yang dipohonnya diluluskan oleh pihak pengurusan bank. Kini, beliau sudah memiliki tiga buah restoran. Ketiga-tiga buah restorannya terletak di pekan Sitiawan, Teluk Batik dan Pulau Pangkor. Usahanya yang tidak pernah mengenal erti putus asa dan sentiasa bertawakal, menjadikannya seorang peniaga yang berjaya dan memperoleh pendapatan yang lumayan sekali. . Bak kata pepatah Melayu, “*Jika tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya*”.

- 19 Berikut adalah antara nilai murni yang boleh dijadikan contoh teladan berdasarkan petikan tersebut, **kecuali**
- A berjimat cermat dalam berbelanja.
  - B menyediakan menu mengikut harga makanan.
  - C cekal dan gigih berusaha ketika melakukan sesuatu.
  - D mengamalkan budaya bersih dan kemas pada setiap masa.
- 20 Peribahasa “*Jika tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya*” bermaksud
- A kulit rumbia perlu dibuang dahulu sebelum mengambil isinya.
  - B seseorang itu mesti bersih dan kemas untuk mendapatkan hadiah.
  - C kita perlu membuat pinjaman bank supaya berjaya dalam perniagaan.
  - D cita-cita kita tidak akan tercapai sekiranya tidak berusaha dengan gigih.

**Soalan Tamat.**